

Teori-Dalam-Gunaan Bagi Pelaksanaan Tugasan TITAS Dan PM Berasaskan Hukum Perkaitan Maqasid Syariah

Oleh: Haji Mohd Nor Bin Anuar*

ABSTRAK

Sinergogi merupakan satu pendekatan yang serasi dengan hukum perkaitan Maqasid Syariah. Keseimbangan sesuatu sistem perlu memenuhi hukum perkaitan SOLO tetapi tidak semestinya mampu memenuhi hukum perkaitan Maqasid Syariah. Perbezaan ini disebabkan hukum perkaitan Maqasid Syariah lebih mementingkan keperluan kandungan atau substance berbanding dengan keperluan bentuk atau form secara bersepada. Justeru itu, keperluan untuk memelihara perkara-perkara tambahan – hajiyat dan tafsiniyyat – adalah untuk mengekalkan keupayaan atau memambahkan keupayaan sistem terasnya yang bersifat dhoruriyyat.

Dalam konteks pelaksanaan TI+TAS dan PM, perkara yang dhoruriyyat ialah TI (Tamadun Islam), hajiyat ialah TAS (Tamadun Asia Tenggara) dan tafsiniyyat ialah PM (Pengajian Malaysia). Meskipun terdapat unsur-unsur di dalam perkara-perkara hajiyat dan tafsiniyyat dalam kandungan dan bentuk pelaksanaan TAS dan PM namun unsur-unsur sekularisme di dalamnya boleh mencacatkan tasawwur dan pemikiran Islam. Asas perkaitan dhoruriyyat iaitu TI tidak boleh sama sekali diabaikan dalam PM. Teknik imbasan budaya atau cultural scanning boleh digunakan untuk tujuan pelarasan ilmu atau alignment of knowledge bagi subjek-sbjek TI+TAS±PM mengikut kerangka analisis sosiografi dan analisis Varians. Dengan itu pelaksanaan PM menjadi satu sistem pembelajaran yang terbuka.

* Pensyarah Di Jabatan Muamalat Islam, KIAS, Nilam Puri Kelantan.

Pendahuluan

Maqasid syariah merupakan suatu cara atau kaedah mencapai tujuan/matlamat/maslahah sejajar dengan tuntutan syara', iaitu selagi ia tidak bertentangan dengan al-Quran dan al-Hadis s.a.w. Ia juga tidak bertentangan dengan qiyas kerana qiyas membawa nilai-nilai praktikal yang diambil daripada pemahaman terhadap nas-nas tersebut. Semuanya saling lengkap melengkapi sebagai satu keseluruhan. Maqasid syariah menawarkan sinergi dalam mencapai maslahah atau hikmah di sebalik sesuatu persyariatan.

Firman Allah s.w.t:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Dan tidak Kami utuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

(Al-Anbiyaa'; 107)

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ إِمْنَوْا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أَتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Allah akan mengangkat orang yang beriman dan berilmu di kalangan kamu ke darjah yang tinggi.

(Al-Mujadalah: 11).

سَرِيرِهِمْ إِنَّتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنفُسِهِمْ حَقَّ يَبْيَانُ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ

Kami akan menunjukkan kepada mereka segala tanda kekuasaan Kami itu di segenap ufuk malah di dalam diri mereka sendiri agar dengan itu akan jelaslah kepada mereka kebenaran al-Quran itu.

(Al-Fussilat : 53).

Perbincangan ilmiah artikal ini adalah tentang perkaitan maqasid syariah bagi memperkatakan tentang teori-dalam-gunaan (TDG) sebagai pelengkap kepada kesempurnaan tugas pengajian. Teori adalah satu set pernyataan atau prinsip yang mempunyai kerangka pemikiran untuk menjelaskan sekelompok fakta atau fenomena, terutamanya kelompok yang telah diuji berkali-kali atau sudah diterima umum dan boleh digunakan semula untuk membuat ramalan mengenai fenomena berkenaan

(Gorard. S, 2004).¹ TDG turut menjadi teori tindakan atau teori perlakuan mengikut penaakulan praktikal atau *phronesis* iaitu keupayaan mengecam tindakan dalam situasi tertentu.

Kebanyakan teori dijana melalui kaedah penyelidikan. Kadangkala ia diambil daripada pemerhatian dan pengalaman berkali-kali. Ia juga dikenali sebagai teori-dalam-gunaan walaupun masih belum disahkan secara saintifik. Teori pembelajaran pula biasanya diperolehi melalui penyelidikan pendidikan yang formal, informal dan tak formal. Apabila sesuatu teori disahkan maka ia boleh digunakan dalam amalan praktis bagi memandu tindakan pengajaran dan pembelajaran. Bentuk teori juga pelbagai seperti model, modul, prosedur dan sebagainya, sehingga sesuatu yang hendak dikatakan sebagai betul dan sah perlu menepati atau *fit-in* kepada kerangka teori atau reka bentuk teoritikal (Whitehead. J dan McNiff .J, 2006).

Memperkasa Penguasaan Ilmu (تعزيز اكتساب المعرفة)

Setiap teori mengandungi perkaitan konsep-konsep tertentu. Menurut Chaffe. J (1995) bahawa konsep pula merupakan idea-idea umum yang digunakan untuk mengenalpasti dan menyusun pengalaman lalu, kemudian dilambangkan dengan sesuatu perkataan, istilah atau frasa. Noel Entwistle (1981) pula menyatakan konsep adalah juga satu cara seseorang individu menterjemahkan dunia dan persekitaran di sekeliling mereka dengan mengelompokkan benda, perkara atau peristiwa yang mempunyai ciri-ciri persamaan bagi membina kefahaman sendiri tentang makna di sebalik sesuatu perkara yang sedang dikaji.

Perspektif Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) maupun Pengajian Malaysia (PM) sebagai fokus perbincangan, terbentuk daripada gugusan konsep-konsep utama yang dibina sebagai satu lanskap pembangunan keupayaan. Jika teori (ilmu) adalah molekul dan konsep merupakan atomnya maka TITAS adalah makro dan PM adalah mikronya. Manakala *The Oxford Encyclopedic English Dictionary* (1991), mendefinisikan konsep sebagai idea abstraksi, reka cipta, suatu idea atau gambaran

¹ Kesahan sesuatu teori bergantung kepada sejauhmana ia dinyatakan dalam perkataan dan generalisasi yang mencukupi dan terperinci bahawa ia dapat menjelaskan sesuatu gelagat fenomena dan tentang kemungkinan yang akan berlaku terhadapnya pada masa depan.

mental bagi sekumpulan atau sekelompok objek direka bentuk dengan menggabungkan semua aspek yang diperlukan. Mikro tidak boleh dipisahkan daripada makronya.

Kemahiran membina pertalian konseptual atau *conceptualizations* mampu memperkayakan makna diri pelajar sebagai insan. Misalnya konsep literasi maklumat merupakan satu sinergi atau nilai tambah kepada pelbagai konteks disiplin ilmu seperti sains kepustakawan, penyelidikan dan pembangunan profesionalisme serta komponen teknologi maklumat dan komunikasi. Perkembangan ilmu literasi maklumat berlaku daripada beberapa disiplin yang saling bertindihan. Melalui sinergi ilmu tadi, idea baru dihasilkan daripada keupayaan membuat pertalian dengan perkara-perkara yang bertindihan. Itulah yang disebut sebagai proses konseptualisasi dan diperlukan dalam pembelajaran TITAS dan PM ke arah menjana kematangan berfikir.

Taksonomi SOLO (التصنيف سولو)

John Biggs (2003) berpendapat bahawa ukuran pembelajaran pelajar adalah ditentukan daripada struktur taksonomi tugas pembelajaran itu. Beliau mengemukakan satu taksonomi SOLO, iaitu *Structure Of the Learning Outcome* untuk menjelaskan perkara ini. Dalam kata lain, kemajuan yang dialami pelajar dalam sesuatu proses pembelajaran adalah hasil penglibatan mereka di mana kedudukan pencapaian mereka akan diukur pada tahap-tahap taksonomi pembelajaran tertentu. Bagaimanapun tujuan artikel ini adalah untuk mengukur sejauhmana kebolehgunaan taksonomi SOLO memenuhi hukum perkaitan Maqasid Syariah.

Jadual 1: Taksonomi Solo Dan Kriteria Pengukurannya

Taksonomi	Kriteria Penilaian	Tahap Perkaitan
Perkembangan Abstrak	Melihat tajuk atau tugas dari sudut perkaitan prinsip-prinsip yang terlibat – lihat secara keseluruhan	<i>Mendalam:</i> Lebih terbuka, bersepadu, dan saling berkait.
Salingkaitan	Perkaitan yang wujud dalam tugas difahami dengan banyak sudut pandangan yang saling berkaitan dan konsep-konsep berkaitan. Tajuk tugas dipertahankan.	
Multi-struktur	Lebih dari satu sudut pandangan atau pelbagai sumber data meskipun tidak ada hubungan antara satu dengan lain.	<i>Pertengahan</i>
Uni-struktur	Satu sudut pandangan dan atau satu data relevan sahaja disentuh.	<i>Cetek:</i> Lebih terpencil, konkrit dan tertutup.
Pra-struktur	Ketinggalan isi persoalan dan lari daripada tajuk atau tugas.	

Berdasarkan jadual 1, pergerakan dari tahap salingkaitan kepada tahap perkembangan abstrak adalah perkaitan mendalam kerana telah mengambil kira faktor kematangan dan faktor kecerdasan daripada seseorang atau sekumpulan pelajar. Mereka inilah yang akan menunjukkan tret-tret amalan sinergogi seperti kesediaan, kolaborasi, perkongsian, keterbukaan dan kejelitian ketika menjalankan aktiviti berbanding dengan rakan-rakannya yang lain. Sekiranya kesemua tahap taksonomi telah dilalui oleh seseorang pelajar, ia bererti suatu lonjakan kualitatif telah berlaku dalam peningkatan kuasa pembelajaran mereka.

Pergerakan aktiviti pembelajaran memindahkan pengalaman pembelajaran pelajar di atas satu kontinum antara pola atomistik (mikroskopik) dan pola holistik (makroskopik). Reka bentuk berpasukan yang bergerak di atas kontinum hanyalah sebagai satu strategi pemercepat atau pemangkin kepada pergerakan aktiviti pembelajaran bagi menghasilkan lonjakan kualitatif.

Manakala pelajar-pelajar yang cerdas sedikit akan dapat mencapai tahap pelbagai struktur yang berbeza tetapi mereka di didapati masih tidak mampu menggunakan logik perkaitan dan masih terkial-kial membina perkaitan antara satu struktur dengan struktur-struktur makna yang lain. Tanpa melihat sama ada terdapat konflik atau keadaan yang tidak konsisten terhadap perbezaan yang wujud dalam kajian mereka, maka eadaan ini menyebabkan analisis dan rumusan pelajar yang dihasilkan akan berat sebelah. Oleh itu, kebanyakan analisis tugasannya mereka akan berada pada kedudukan pertengahan akibat gejala terlepas pandang tadi.

Pencapaian pada tahap salingkaitan dan tahap perkembangan abstrak berada dekat pola holistik. Bagi menentukan hasil tugasannya yang hebat, pelajar-pelajar hendaklah mengemukakan bukti atau fakta penting yang dinukil daripada pelbagai sumber rujukan serta sudut pandangan yang berbeza. Proses menimbang-terima rasional-rasional di sebalik konflik dan percanggahan yang wujud tadi berlaku. Jadi tahap salingkaitan dan tahap perkembangan abstrak ini dikenali sebagai perkaitan mendalam mengikut taksonomi.

Pelajar-pelajar yang memberikan respons lemah akan bergerak pada tahap uni-struktur atau tahap pra-struktur dan berkecenderungan berada dekat pola atomistik. Taksonomi SOLO sememangnya mematuhi prinsip-prinsip pembelajaran seperti bergerak daripada dimensi konkrit kepada dimensi abstrak, objektif kepada subjektif, atomistik kepada

holistik dan pelbagai hala. Namun begitu, konsep holistik dalam Taksonomi SOLO tidak pula menekankan kedudukan dan kepentingan wahyu sebagai qiblat (teras) kepada semua disiplin ilmu. Di sinilah hukum maqasid syariah diperlukan supaya pembelajaran mampu membantu mereka mencapai maslahah duniawi dan ukhrawi secara bersepadu.

Nilai Maslahah Al-Mursalah Perkaitan TDG - Maqasid

Pemakaian teori-dalam-gunaan (TDG) dianggap penting untuk menghasilkan kesan-kesan paduan, perimbangan dan peneguhan dalam pembelajaran kendiri atau secara berpasukan. Ia mengandungi nilai maslahah al-mursalah. Meskipun tidak ada dalil secara qat'ie dari segi suruhan dan larangan dalam menggunakan tetapi prasarana-prasarana sinergogi tersebut dikira sebagai satu maslahah kerana mampu menolak mafsadah (Abdul Basit, 2009) iaitu mengatasi pembelajaran tersekat-sekat dan berupaya membasmi gejala sekularisasi pemikiran dalam sistem pendidikan dualistik.

Usaha mencapai maslahah dan menolak mafsadah melalui maqasid Syariah meraikan mana-mana wasilah yang dapat menjamin terlaksananya matlamat syariat Islam (Shukeri Mohamad, 2009) seperti menjaga kepentingan akal dan ilmu. Oleh itu, sesuatu teori dan hukum yang mampu menghasilkan tindakan mencapai maslahah tersebut (seperti sinergogi-dalam-perlakuan) boleh diterima sebagai wasilah. Dalam konteks pemakaian TDG berdasarkan hukum perkaitan maqasid, ia hendaklah serasi dengan kaedah cara atau wasilah kerana maqasid sebagai satu keperluan, tanpa pemakaian cara atau wasilah tersebut maka pencapaian maslahah (semua maslahah al-Khamsa) tidak akan tercapai dan terbantut. Setiap keperluan merupakan pelengkap antara satu dengan lain bagi menyempurnakan maqasid syariah.

TDG menjadi al-Maslahah al-Mursalah kerana pada asasnya ia merupakan kurikulum tersembunyi atau *hidden curriculum* dalam bentuk pengalaman-pengalaman profesional dan kajian-kajian akademik yang boleh membantu pendidik merangka *Islamic blueprint of ideas* untuk dijadikan meknisme bagi melestarikan pembelajaran TITAS dan PM mengikut perspektif Islam yang lengkap dan menyeluruh.

Kurikulum Berasaskan Perkaitan Maqasid

Hasil tinjauan daripada satu kajian eksperimental mengenai penguasaan konsepsi Islam sebagai Ad-Din atau *Islam as a way of life* di kalangan pelajar sekolah,² penulis mendapati bahawa kesedaran beragama (aqidah) menurut perspektif Islam merupakan asas kepada falsafah, konsep dan matlamat pendidikan sebenar. Penulis mengambil dapatan kajian ini sebagai premis penulisan artikel ini bahawa lanskap pendidikan yang berpaksikan aqidah (axiologi) membolehkan semua lanskap disinergikan ke dalam satu set pemikiran yang holistik.

Penulis turut berusaha mengemukakan kepentingan ‘teori perimbangan’ dalam perbincangan ini bagi menekankan pentingnya pendekatan holistik untuk menjamin keseimbangan kognitif yang lestari. Daripada sinilah pendekatan sinergogi diperkenalkan, iaitu mengenai keseimbangan tingkah laku kognitif (lanskap interpersonal) sebagai akibat daripada perubahan tingkah laku afektif (lanskap transpersonal dan lanskap intrapersonal) yang dijana melalui reka bentuk interaktif dalam melaksanakan pembelajaran.

Idea intervensi sinergogi dalam sistem pembelajaran di atas disokong oleh Festinger (1957) dan Heider (1959) di mana sinergi optimum (penambahupayaan dan penambahbaikan berterusan) bagi mengekalkan keseimbangan kognitif akan tercapai apabila sinergi organisasi dalam satu dimensi dapat menambahkan keupayaan manusia dalam dimensi lain laksana kesihatan fizikal mempengaruhi kesihatan mental, seterusnya mempengaruhi juga kekuatan rohani serta sosioemosi (Covey S. R., 19996).

Tindakan sinergogi merupakan satu peristiwa pendidikan untuk membangunkan idea-idea strategik, menterjemahkannya kepada bentuk tindakan dan kemudian merekacipta reka bentuk-reka bentuk interaktif di atas lanskap pembelajaran berdasarkan kepelbagaiannya yang terdapat pada institusi, organisasi dan aktiviti (fokus kajian PM di KIAS) yang saling melengkapi, bersepadan dan membantu meningkatkan keupayaan dan kualiti antara satu sama lain (Gustavsen B, 2006).

² Tesis sarjana sains pengurusan, 1996; penulis.

Kebulatan Bersfera Sebagai Set Perkaitan Holistik

Penulis menggunakan simbol bulatan bersfera atau bersepada untuk menampilkan konsep pendidikan holistik sebagai sesuatu yang bersepada, seimbang dan teguh tetapi berdinamika. Ia memberi satu pengertian di mana kurikulum pendidikan bersepada berasaskan penyelesaian interaktif perlu direka bentuk untuk mengatasi masalah ketakpembelajaran. Manakala perubahannya yang dinamik sentiasa memelihara dan mengimbas kembali titik keseimbangannya iaitulah pola kesedaran beragama.

Simbol bulatan bersfera membawa makna-makna berikut:

- Simbol titik tengah bermakna sejagat dan kesatuan, manakala simbol lilitan bermakna keseluruhan, infiniti dan berwawasan (sesawang The free dictionary, 30/08/2010). Berdasarkan makna ini, pendidikan holistik merupakan bidang kehidupan yang tidak memisahkan sumber wahyu daripada disiplin ilmu-ilmu sains, sebagai satu kurikulum bersepada dan lengkap untuk memenuhi keperluan dan pembangunan manusia secara berterusan di dunia dan di akhirat.
- Simbol bulatan bersfera bermakna suatu perkaitan yang lengkap, di mana suatu bulatan merangkumi kepelbagaiannya makna tanpa pertelingkahan (sesawang Ardictionary, 30/08/2010). Manakala perkaitan sferikal membawa makna pendidikan holistik sebagai bidang pemikiran yang menemukan inisiatif-inisiatif penyelesaian secara bersepada dengan mengambilkira semua dimensi dan faktor, termasuk agama, politik, ekonomi, sosial dan sebagainya.
- Simbol jejari kawasan bersfera dan hemisfera menghasilkan perlakuan-perlakuan dan pengaruh-pengaruh sebagai satu siri perkaitan dan tindakan bersepada (sesawang dictionary, reference, 30/08/2010). Bersandarkan kepada hakikat ini, pendidikan holistik adalah satu hukum salingkaitan pelbagai lanskap pembelajaran yang saling melengkapinya ke arah melahirkan manusia yang seimbang sahsiahnya dan bertamadun masyarakatnya. Sebagai satu set semesta, pendidikan holistik ialah kombinasi semua subset lanskap pembelajaran berganda (Mohd Nor Anuar, 2007).³

³ Jika diandaikan semua pelajar terlibat sebagai sebuah pasukan, iaitu simbol P, maka keahlian setiap individu (b) pelajar dalam pasukan berkenaan ialah $b \in P$. Jika saluran penerokaan ilmu seperti merumus permasalahan, membina hipotesis, mengumpul data, menganalisis, melapor dan mengambil tindakan susulan melalui fungsi $K(b, t)$ di mana K

Ketakpembelajaran Dan Penyelesaian Bersepadu

Apa yang dimaksudkan dengan keseimbangan kognitif atau *hemeostasis-kognitif* dalam teori perimbangan ialah satu kaedah pendidikan bagi mengatasi kekusutan atau kekurangan yang ada pada model utama pembelajaran. Kelemahan wujud di sebabkan pengaturcaraan program-program penyampaian maklumat, fakta, ilmu dan hikmah yang didapati kurang praktikal atau kekusutan pembelajaran yang timbul akibat tindakan memperkenalkan perubahan kurikulum baru dilakukan secara drastik. Masalah-masalah ketakpembelajaran yang berbangkit seperti sikap kurang bersedia dan suka mementingkan diri, jika di biarkan tanpa sebarang rawatan terhadap sistem pembelajarannya, maka ia tidak dapat membentuk wacana ilmu dan mengganggu kelestarian sistem penyampaian kandungan pelajaran.

Sebenarnya ketakseimbangan kognitif merupakan sekatan-sekatan emosi dan sosial terhadap proses pembelajaran. Oleh itu ia memerlukan satu peraturan salingkaitan atau *an order of relationship* di mana reka bentuk interaktif perlu patuh kepada peraturan tersebut. Satu peraturan yang secocok atau fit-in bagi merawat fenomena tersebut ialah dengan melaksanakan hukum perkaitan maqasid syariah.

Firman Allah s.w.t:

وَمَا جَعَلْتُ عَلَيْكُمْ فِي الْدِينِ مِنْ حَرْجٍ

Dia sekali-sekali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan. (Al-Hajj : 78).

Dari segi pandangan Islam, sesuatu yang tidak logik dari segi intelek atau pemikiran mungkin logik dari segi perkaitan (Mohd Nor Anuar, 2005). Hukum perkaitan maqasid yang diguna pakai dalam pengurusan pemikiran reflektif dan kesedaran beragama ini mengatakan bahawa:

³ ...ialah kuantiti ilmu manakala t ialah konstant masa. Oleh itu, ilmu individu pelajar dalam pasukan tersebut ialah $K(bP)$ pada masa t manakala ilmu pasukan ialah kombinasi (U) semua ilmu individu-individu pelajar atau ahli-ahli pasukan pada masa t . Dengan itu, ilmu pasukan berkenaan ialah $K(P)$ bersamaan $\cup_{b \in P} K(b, t)$. Ini membuktikan belajar secara berpasukan lebih baik daripada bersendirian di mana $K(b, t) < K(P, t)$ pada masa konstant t . Keanggotaan individu berilmu atau faktur b mungkin berubah kerana berpindah, sakit, terlalu sibuk dan sebagainya manakala pengembangan atau pengecutan kuantiti ilmu atau K mungkin juga akibat perubahan faktor masa t yang dipengaruhi oleh perubahan sikap, citarasa, pengukuhan sistem nilai, gaya hidup, pemindahan teknologi dan lain-lain lagi.


Aspek *dhoruriyyat* adalah asas kepada aspek *hajiyyat* dan aspek *tahsiniyyat* manakala faktor, unsur atau tindakan yang mengenepikan urutan dan kesepaduan *dhoruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* boleh mendatangkan mafsaadah [ketakpembelajaran atau ketakakurran sistem pembelajaran] di mana ketiga-tiga aspek ini hendaklah saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Selain dari kedudukan *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* sebagai pelengkap asal (mukammil) kepada *dhoruriyyat* (mukammal), masing-masing *dhoruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* pula memiliki pelengkapnya supaya asas kesepaduan keseluruhan, terutamanya *dhoruriyyat*, akan sempurna dan terpelihara untuk mencapai maslahah [pendidikan berkualiti].

(Rumusan Seminar Maqasid Syariah dalam Pentadbiran Negara, 2009; penulis).

Penulis mendapati bahawa teori dan reka bentuk sinergogi menepati atau *fit-in* kepada hukum dan peraturan salingkaitan maqasid syariah. Mohd Kamal Hassan (1988) menjelaskan bahawa kesepaduan di antara dimensi-dimensi pendidikan dapat membina perspektif pendidikan Islam yang holistik. Oleh yang demikian, komponen pelengkap untuk melaksanakan penerokaan tindakan atau action inquiry dalam proses pembelajaran sinergistik (Torbert W. R, 2006) mengikut hukum perkaitan maqasid syariah boleh disusun dan diatur seperti berikut:

1. *Lanskap Transpersonal* (منظر للطبيعة الإيمان):

Pengezonan wawasan atau visioning (التصورات) ialah ufuk atau daerah kerohanian yang meneroka ke arah tujuan asal kewujudan. Ia menjadi paksi kepada binaan interaksi antara ufuk-ufuk atau zon-zon pelengkapnya, iaitu melalui kesepaduan dimensi ilmu {kesepaduan (a) akal dan (b) wahyu} dengan dimensi insan {kesepaduan (c) lahir dan (d) batin}. Kesepaduan faktor-faktor pelengkap *dhoruriyyat* ini merupakan asas kepada sistem pembelajaran holistik diterjemahkan dalam rajah berikut:



Rajah 1 : Ufuk Uni-Struktur (*Dhoruriyyat*) Pada Lanskap Transpersonal


Kesan paduan daripada kesepadan faktor-faktor pelengkap (a), (b), (c) dan (d) akan menghasilkan lonjakan ke atas sebagai kesan paduan. Ia berlaku dalam lanskap transpersonal berdekatan dengan kutub kesedaran beragama, sebagai aspek *dhoruriyyat* dan memerlukan pembelajaran kontrak. Konsep pendidikan holistik menurut Islam adalah berpaksikan agama Tauhid, iaitulah kontrak antara manusia dengan Allah s.w.t. Oleh itu, al-Quran dan as-Sunnah merupakan dwikatalog (rujukan rangka kerja mutlak) yang utama dalam kurikulum asas bagi membentuk insan. Dengan ini, kurikulum dan pendidikan disusun dan diatur bagi menghasilkan sinergi-dalam-penghayatan untuk memenuhi keperluan hati dan naluri insani pelajarnya.

2. *Lanskap Intrapersonal* (منظر من داخل النفس):

Pengezonan penstrategisan atau strategizing (وضع الاستراتيجيات) iaitu daerah psikologi seperti jiwa dan emosi di mana terdapat kurikulum pelbagai jalur seperti penteorian, impian dan perasaan yang penting. Daerah ini dikenali juga sebagai lanskap intrapersonal kerana menjadi titian komunikasi dalaman antara

daerah asalan atau *origins* (sebelumnya) dengan hasil tindakan atau *outcomes* (selepasnya).

Lanskap ini menyeimbangkan dimensi pendidikan {kesepaduan (e) teori dan (f) amal} dengan dimensi kesusasteraan {kesepaduan (g) bahasa dan (h) subjek}. Ia digambarkan seperti berikut:



Rajah 2 : Ufuk Multi-Struktur (*Hajiyah*) Pada Lanskap Intrapersonal

Kesan perimbangan daripada kesepaduan faktor-faktor pelengkap (e), (f), (g) dan (h) menghasilkan lonjakan kualitatif kepada perkaitan sferikal lanskap seterusnya. Reka bentuk pembelajaran pada lanskap intrapersonal pula mempengaruhi fokus, keperibadian dan perlakuan. Ia merupakan aspek *hajiyah*, sebagai terowong lebuhraya emosi yang membawa kandungan rohani daripada lanskap awalan.


Lanskap ini tidak memisahkan antara disiplin diri dengan prestasi pencapaian, bahkan kedua-duanya mempunyai hubungan imbal balik dalam pembelajaran rakan sebaya dan pembelajaran kendiri berdasarkan pembelajaran kontrak sebelumnya. Susunan kurikulum dan pendidikan sedemikian mampu menghasilkan sinergi-dalam-pengalaman dan memberi keseimbangan sahsiah kepada insan pelajar.

3. *Lanskap Interpersonal* (المناظر الطبيعية من بين الأشخاص)

Pengezonan tindak laku dan taksiran atau *performing* dan assessing (تنفيذ وتقدير), iaitu daerah kontekstual atau praktikal, menukar bentuk tenaga, rintangan dan kecerdasan kepada kesedaran intelektual seterusnya menyesarkan tindak laku ke daerah luar diri dengan meninggalkan kesan-kesan penembusan sosial.

Pada lanskap ini, sferanya menawarkan zon pembelajaran terbuka dan pembelajaran aktif. Ia dilengkapi dengan peneguhan dimensi pembangunan {kesepaduan (i) sains dan (j) masyarakat} dengan dimensi Ad-Din {kesepaduan (k) agama dan (l) budaya} di mana semua kitaran sebab dan akibat daripada sinergi-dalam-perlakuan faktur-faktur tersebut boleh diperhatikan, diukur dan dinilai.

Lanskap interpersonal menjadi pelengkap tahsiniyyat kepada sfera lanskap-lanskap sebelumnya. Ia menghasilkan kesan peneguhan daripada kesepaduan faktor-faktor pelengkap (i), (j), (k) dan (l). Jadi, lonjakan kualitatif merupakan kesan berganda kepada salingkaitan pelbagai lanskap pembelajaran.



Rajah 2 : Ufuk Salingkaitan (*Tahsinyyat*) Pada Lanskap Intrapersonal

Bagaimanapun, sikap pemantauan pendidik dan inisiatif mereka menyediakan mekanisme pembangunan mampu meneguhkan keupayaan bagi pembelajaran kendiri, seperti menyediakan instrumen-instrumen skematisasi, kolaborasi dan triangulasi serta kemahiran-kemahiran membuat skematisasi (zon pembangunan proksi) dan triangulasi (zon integrasi) bagi menyepadukan pembelajaran kontrak dan pembelajaran kendiri dengan pembelajaran aktif dalam melaksanakan tugas TITAS dan PM secara individu (konstruktivisme individu) atau berpasukan (konstruktivisme sosial)

Dengan adanya mekanisme dan instrumen pembangunan keupayaan itu, aktiviti sinergogi boleh dijalankan dan dipantau oleh pensyarah mentor/tutor ke arah mencapai maslahah iaitu kesempurnaan pembelajaran kendiri tanpa tersekat-sekat. Inilah yang

dimaksudkan dengan pembelajaran sebenar atau pembelajaran berganda.⁴ Mengikut Prof. Ali Bin Abdullah Ad-Difa' (1999), kepelbagaian dalam pembelajaran dan pemikiran telah diterjemahkan oleh Al-Kindi secara teori dan amali.

Pengoperasian Hukum Perkaitan Maqasid

Satu daripada tujuan Maqasid Syariah ialah memelihara akal. Tujuan Maqasid Syariah selain menjaga kemaslahatan ilmu ialah menjaga kemaslahatan agama, keturunan, harta dan nyawa. Pemeliharaan kemaslahatan meliputi kehidupan di dunia dan di akhirat. Tanpa akal maka manusia tidak dapat memikul tanggungjawab agama. Maqasid Syariah menggunakan logik perkaitan di samping logik pemikiran dalam mendekati sesuatu masalah secara ilmiah, sama ada pendekatan terhadap perkara maslahah (untuk ditahqiqkan) atau pendekatan terhadap perkara mafsadah (untuk ditafriqkan).

Secara umum, perspektif pendidikan holistik yang dibina melalui perkaitan lanskap-lanskap pembelajaran dapat difahami dengan mudah melalui hukum perkaitan maqasid syariah. Proses memahami serta menghubungkan perkaitan konsep-konsep dengan dinamika sesebuah sistem pembelajaran seperti TITAS dan PM, disebut sebagai pemikiran sistemik atau *systems thinking*. Paradigma insan kamil atau *total conception of man* sebagai warga, manusia dan insan di dalam sukanan subjek ini

⁴ Pembelajaran berganda adalah sinonim dengan pemikiran berganda (*radiant thinking*) sebagaimana dikemukakan oleh Abu Yusof Yaakob Abu Ishak (Al-Kindi): 801 – 867 M. Pembelajaran tidak berlaku jika proses berfikir tidak ada. Tokoh pemikir ini dilahirkan di Kufah, Iraq semasa zaman Khalifah Makkum dan telah mengikuti pengajian umum sejak kecil. Datok dan ayah (Menteri di Kufah) beliau merupakan antara pemberesar-pemberesar negeri tetapi kuat berpegang kepada agama. Beliau memiliki pelbagai bidang kepakaran seperti mekanik, falak, kedoktoran, geologi, seni dan telah mencetuskan beberapa teori sains (seperti kanta dan teleskop) dan mantiq.


Beliau sentiasa melahirkan teori-teori baru atau teori binaan (teori-teori-dalam-gunaan) supaya berlaku kesan pengukuhan. Pada masa itu, beliau saja yang berupaya menterjemahkan falsafah Sokratis, Plato dan Aristotle (Greek Yunani) dan berusaha membasmikan pemikiran yang karut-marut dan membetulkan falsafah Yunani tersebut, terutamanya tentang konsep ilmu dan amal. Salah satu penemuan yang direka cipta beliau ialah menggunakan kemahiran muzik untuk menghasilkan nada merdu bagi mengubati sakit mental.

Al-Kindi mempunyai nasab kepada puak-puak Yaman. Di antara para ulama dan saintis Islam yang telah mengambil manfaat daripada kepakaran beliau ialah Ibnu Sin, Al-Biruni, Tiffashi dan Qazwini. Tinggalan hasil karya beliau telah dikumpul dan kemukakan dalam satu perayaan mengingati sumbangan beliau pada tahun 1382H di Iraq.

banyak menggunakan hukum perkaitan maqasid dalam memerihalkan pemikiran sistemik dalam pendidikan holistik.

Dengan premis pemikiran ini maka lembaga ilmu dalam tradisi Islam adalah bersifat holistik. Rajah 4, menunjukkan konsepsi holistik dalam satu paradigma Tauhid yang mengandungi sistem, standard, perspektif, disiplin dan komitmen terhadap pendidikan Islam. Oleh itu, usaha-usaha menguasai ilmu secara terancang, tersusun dan terkawal, terutamanya pengurusan ilmu-ilmu berorientasikan wahyu merupakan kurikulum *dhoruriyyat*. Manakala ilmu-ilmu lain yang berkaitan adalah bersifat *hajiyat* dan *tahsiniyyat* kerana menjadikan al-Quran dan as-Sunnah s.a.w sebagai qiblat kepada semua disiplin ilmu yang berkaitan.

Hukum perkaitan maqasid syariah menolak paradigma sekular-liberal dalam sistem pendidikan sekular kerana pemikiran sekular memisahkan dimensi-dimensi ilmu, insan, pendidikan dan pembangunan daripada ikatan wahyu Ilahi dan Sunnah RasulNya. Sekularisme merupakan mafsadah terbesar yang mesti dinyaahkan daripada pemikiran umat Islam masa kini kerana pengaruh sekularisme inilah yang telah menggugat kesan-kesan paduan, perimbangan dan peneguhan daripada sistem dan pemikiran pendidikan di dunia Islam.



Sumber: Penyelidikan berdasarkan sekolah oleh Mohd Nor Anuar (2009)

Rajah 4: Perkembangan Abstrak Tentang Konsep Pendidikan Holistik Mengikut Perkaitan Sistemik Maqasid.

Gejala sekularisme ini dikenali juga sebagai sindrom penjajahan metodologi (penyingkiran wahyu sebagai asas epistemologi) ke atas umat Islam. Ia telah menyebabkan umat Islam kehilangan dimensi-dimensi kesepaduan, keseimbangan dan keteguhan serta tidak mempunyai iradat minda dalam mempertahankan sistem berfikir dan sistem hidup mereka dan terus bersikap skeptikal (ragu-ragu) untuk menolak mafasadah-mafasadah yang lain atau menerima maslahah Islamiah. Mafasadah sekularisme dengan sendirinya akan dinyahkan (tafriq) bila disiplin pendidikan holistik diprogram.

Di antara kuasa-kuasa pembelajaran yang akan mentafriqkan pengaruh pemikiran sekular ialah kesepaduan disiplin ilmu yang berkait dengan alam nyata dan

alam ghaib, jasad dan roh, zahir dan batin, akal dan hati, dunia dan al-Din, ilmu dan agama, perbuatan dan renungan, fakta dan nilai, ilmu al-Yakin dan ilmu Haq al-Yakin serta pengamatan dan ilham (Mohd Kamal Hassan, 1988). Manakala dalam konteks penulisan ini, kuasa pembelajaran yang dijana adalah kesepaduan al-Fikr dan al-Zikr manakala janakuasanya ialah al-Ayat.

Hasil kitaran sferikal di hemisfiar kiri dan hemisfiar kanan antara pola pemikiran reflektif dengan pola kesedaran beragama menghasilkan al-Fikr manakala lonjakan kuasa paduan kepada kuasa perimbangan dan kuasa peneguhan dari satu lanskap kepada lanskap-lanskap yang seterusnya menjana al-Zikr. Penaakulan Al-Ayat (berfikir tentang kekuasaan dan keagungan Allah SWT) adalah komponen teras dan penting dalam membina kesepaduan al-Fikr dan al-Zikr bagi menanamkan satu kualiti dalam diri manusia iaitu rasa kagum terhadap Allah s.w.t sebagai Pengusa dan Pencipta sekalian alam, iaitulah bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah SWT dan Muhammad (s.a.w) adalah PesuruhNya.

Memperkasakan TITAS Dan PM Mengikut Paradigma Tauhid

Menurut Mohd Kamal (1988) lagi, dari kesepaduan antara unsur-unsur di atas, akan terbentuklah modal-modal insan yang dapat memahami dan membangun alam ini secara satu kesatuan yang harmonis sebagaimana yang pernah tercapai dalam tamadun Islam. Mereka tidak boleh diperkotak-katikkan oleh golongan orienralis, Ibnu Khaldun mentakrifkan istilah tamadun di dalam kitab Muqaddimah sebagai satu masyarakat yang mempunyai nilai-nilai ketertiban, dengan ciri-ciri progresif, berakhlik dan saling bermuamalah secara hormat menghormati di kalangan warganya. Dengan demikian ilmu sains menjadi satu jalan menuju ketaqwaan kepada Allah SWT sesuai dengan firmanNya yang bermaksud:

إِنَّمَا يَخْشَىُ اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

*Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hambaNya
hanyalah orang-orang yang mempunyai pengetahuan*

(Al-Faathir: 28)

Begitulah perspektif pendidikan subjek makro Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dan subjek mikro Pengajian Malaysia (PM) di mana ia memerlukan mekanisme pelengkapnya seperti kajian tindakan, analisis perspektif, aplikasi digital dan seumpamanya sebagai zon konteks kepada peningkatan keupayaan pelajar dalam proses pembelajaran kendiri secara berpasukan melalui pembelajaran aktif. Ia juga merupakan satu tanggungjawab akademik pelajar memandangkan sukanan subjek berkenaan terlalu konseptual, filosofikal dan komprehensif. Subjek ini ialah subjek wajib kepada semua pelajar di semua institut pengajian tinggi (IPT) bagi memenuhi syarat keperluan universiti Malaysia atau *Malaysia University Requirement* (MUR).

Penulis telah berusaha membina analisis sosioografi TITAS dan PM bagi membantu pelajar melihat perkaitan antara makro (TITAS) dan mikro (PM) dalam satu perspektif yang holistik. Beberapa garis panduan diberikan sebagai alat penganalisaan bagi pelajar dalam menyiapkan tugas kerja kursus. Keseluruhan perspektif yang dibina adalah untuk menjelaskan hukum perkaitan agama dan budaya sebagaimana firman Allah s.w.t:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْذِلْلَةُ أَيْنَ مَا تَقْفَوْ إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ اللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ النَّاسِ

Mereka diliputi dengan kehinaan walau di mana berada kecuali jika mereka berpegang teguh dengan tali Allah (agama) dan berpegang dengan tali perjanjian dengan manusia (budaya).....

(Ali Imran: 112)

Berdasarkan ayat Ali Imran : 112, agama dan budaya tidak boleh dipisahkan. Pemisahan kedua-duanya telah dikenalpasti sebagai faham sekularisme di mana fahaman ini telah menyebabkan kekuatan pemikiran, moral dan akhlak umat Islam menjadi lemah. Musuh-musuh Islam telah menyebarkan dan mempertahankan fahaman ini melalui penjajahan (sebelum merdeka) dan pendidikan (selepas merdeka).


Sekularisme adalah satu fahaman yang memisahkan politik, ekonomi dan ekonomi daripada agama. Oleh itu, agenda pembangunan ummah selepas merdeka ialah mengembalikan kegemilangan tamadun Islam melalui sinergi agama dan budaya. Dengan itu ruh ubudiyah akan kembali menyinari kemajuan dunia Islam.

Pengalaman dalam bidang pengurusan ada mengatakan bahawa ‘bila sesuatu pihak gagal merancang maka sebenarnya mereka merancang untuk gagal.’ Sebagai

permulaan, kesan-kesan daripada proses sekularisasi terhadap dunia Islam perlu ditunjukkan kepada pelajar-pelajar. Sehubungan itu, teknik imbasan persekitaran budaya atau *cultural scanning* digunakan dalam analisis sosiografi Tamadun Islam supaya pelajar-pelajar dapat mengikuti perkembangannya dan menentukan hala tuju pengajian PM, iaitu mengenyahkan mafsadah fahaman sekular daripada pemikiran.

Teknik bingkai-bingkai (frames) imbasan mikro dan makro digunakan untuk membina perkaitan makna antara tamadun Islam dan tamadun sekular yang saling ‘nyah-mengenyahkan atau desentrisize antara satu sama lain. Analisis sosiografi tersebut digambarkan seperti jadual berikut:

Jadual 1 : Sosiografi Perkembangan Tamadun Islam Dan Perkaitannya Dengan Pengajian TITAS Dan PM.



Analisis sosiografi dapat menghasilkan kesan paduan dan perimbangan kepada lanskap pembelajaran kerana membantu pelajar-pelajar melakukan imbasan budaya atau *cultural scanning* untuk meneruskan penerokaan inkuiri penemuan mereka mengenai perkaitan agama dan budaya. Sosiobudanya pula merupakan angkubah persekitaran makro paling berpengaruh dalam memahami gelagat perubahan di dunia Islam. Berpandukan analisis sosiografi, beberapa teori-dalam-gunaan boleh diimbang dan digunakan mengikut hukum perkaitan maqasid syariah iaitu;

1. Dalil-dalil syar'ie ('al-Qur'an dan al-Hadis) adalah sumber utama yang menyokong atau memberi petunjuk kepada hala tuju pemikiran dan tindakan bermaklumat. Analisis sosiografi mengandungi fenomena sunnatullah berpandukan hukum sebab, akibat serta implikasinya yang menyeluruh ke atas agenda kehidupan manusia dari segi menghasilkan kesan paduan, kesan perimbangan dan kesan peneguhan di mana manfaatnya akan kembali kepada manusia sendiri. Ia juga menunjukkan faktur-faktur yang menjelaskan kehidupan manusia apabila menolak sunnatullah, seperti tidak menerima hakikat bahawa sejarah akan berulang dan apa yang berubah hanyalah pelaku-pelakunya dan masa berlakunya sesuatu peristiwa sedangkan tabiat, tingkahlaku, sikap dan pegangan hidup tetap berterusan.
2. Perspektif menyeluruh ke atas pengajian menunjukkan perkaitan sistemik mikro dan makro daripada pengajian-pengajian tersebut. Jika mikronya ialah Pengajian Malaysia maka makronya pula ialah Tamadun Islam dan kedua-duanya mempunyai salingkaitan dengan pelbagai disiplin lain sebagai pelengkap kepada analisis seperti keperluan menyiapkan kerja kursus berasaskan modul pembelajaran kendiri (mikro) atau mengkaji Sirah Nabawi untuk persiapan aqidah, mental dan psikososial bagi ke arah membangun bersama Islam (makro). Malah kedudukan simetri pada garis satah sosiografi memberi panduan asas kepada Tamadun Islam di mana pelingkup kepada perkembangannya ialah faham sekularisme.
3. Perinsip, hukum dan faktor-faktor sebelum, semasa dan sesudah yang berkaitan dengan realiti yang wujud mempunyai impak tersendiri. Misalnya sesebuah empayar (makro) boleh diruntuhkan melalui sistem pemikiran dan pendidikan manakala sesebuah institusi pondok (mikro) dapat menjadi asas ke arah membina empayar alternatif dengan faktor-faktor termaktub sebelumnya dan termaklum selepas itu.

4. Tahap-tahap perubahan seperti integrasi, dis-integrasi dan re-integrasi mempunyai signifikan di dalam mencetuskan peristiwa-peristiwa penting dan inovasi sosial. Integrasi dan re-integrasi boleh mencetuskan kebangkitan Islam dengan segala bentuk maslahahnya manakala dis-integrasi pula akan mengekalkan sekularisme dengan segala macam mafsadahnya ke atas manusia, institusi dan sistem kehidupan. Pembahagian tahap-tahap adalah satu proses *reframing* di mana pelajar-pelajar berusaha menaakul dan mengenyahkan unsur-unsur negatif (mafsadah sekular) dengan mengambil unsur-unsur positif (maslahah Islam) dalam pengurusan perubahan paradigma.
5. Teknik imbasan budaya menjanjikan bahawa sejarah kebangkitan Islam akan berulang. Melalui sosiografi, era kebangkitan semula Islam dibuktikan agak simetrikal dengan zaman Rasulullah s.a.w dan para Sahabat r.a.h. Oleh itu, prasarana-prasarana membangun bersama Islam pada zaman Rasulullah s.a.w dan para Sahabat r.a.h hendaklah dialih bina dalam tadbir urus rancangan perspektif jangka panjang (RPJP) dan penggubalan dasar-dasar penbangunan di negara Malaysia. Sektor pendidikan adalah salah satu daripada pemangkinnya.

Dalam kes kajian TITAS atau analisis PM, kedua-dua subjek ini dipercayai mampu menjamin kelestarian agenda pembangunan modal insan. Pelajar berpeluang menguasai ilmu-ilmu pelengkap seperti bahasa Arab, bahasa Inggeris, ICT, kajian tindakan dan sebagainya. Subjek yang konseptual, filosofikal dan komprehensif seperti ini sepatutnya memberikan pengalaman pembelajaran secara berterusan di mana ia melibatkan perkaitan semua lanskap pembelajaran. Jadi, pelajar yang tidak mempunyai asas dalam subjek ilmu-ilmu wahyu perlu disajikan dengan ilmu-ilmu wahyu supaya mereka tidak akan mengalami budaya pembelajaran yang tersekat-sekat.

Sistem minda tersekat-sekat atau *mental-block* akan menyebabkan gejala kesongsangan atau *backwash-effect* apabila subjek asas yang seharusnya diberi lebih awal tetapi diperkenalkan pada akhir urutan program pendidikan atau bila mana subjek baru diperkenalkan secara mendadak tanpa dibekalkan dengan sistem pelengkapnya. Sesebuah organisasi pembelajaran yang sering memberi fokus terhadap keperluan dan kepentingan subjek-subjek pelengkap melalui program retreatment kepada pelajar-pelajarnya akan mendapat pelajar-pelajar mereka akan memiliki kesediaan kognitif, kesediaan emosi dan kesediaan sosial dalam pembelajaran.

Jika perkara yang tersekat-sekat pada skala mikro itu adalah budaya pembelajarannya maka kecelaruan pemikiran akan berlaku kerana kesilapan meletakkan perkara sains (akal) mengatasi perkara agama (wahyu). Maka perkara yang akan tersekat akibat perletakan songsang tersebut sebenarnya ialah melaksanakan cara hidup Islam pada skala makro yang syamil.⁵ Fenomena sekularisme yang mencelarukan pemikiran dan tindakan umat Islam laksana satu garis lurus yang telah dipelentur-pelantar-pelentirkan menjadi satu garisan yang bercelaru atau menjadi bentuk kotak empat segi sebagai simbol sekatan/kepungan minda.

Tanpa mengaitkan bingkai makro sektor pengajian TITAS dengan bingkai mikro sektor pengajian PM maka sudah pastilah bahaya mafsadah sekularisme sebagai sistem yang mengongkong manusia akan kurang terserlah. Pendekatan sinergogi mampu menawarkan sesuatu yang ‘baru’ untuk anda berfikir di luar ‘kotak’ atau meluaskan bingkai tersebut. Memandangkan tahap perkembangan ketamadunan pada era Rasulullah s.a.w dengan tahap perkembangannya pada masakini di Malaysia adalah berkedudukan simetri pada satah sosioografi yang sama maka disiplin pengajian Sirah Nabawi hendaklah diwajibkan sebagai rujukan utama. Apa yang lebih penting ialah keutamaan peribadi Rasulullah s.a.w sendiri sebagai penerima, pelaksana dan pentafsir kepada wahyu Ilahi, iaitulah al-Quran-al-Karim-dalam-perlakuan.

Keperluan dan penggunaan mekanisme pembangunan keupayaan emosi dan sosial dalam melestarikan program TITAS dan PM membuktikan pendekatan sinergogi boleh digunakan dalam meningkatkan keupayaan pembelajaran. Penyelesaian masalah ini juga turut menjadi satu keperluan dalam proses pembangunan modal insan kerana ingin meningkatkan daya saing di peringkat global. Aspek-aspek pelengkap yang telah dibincangkan dan dikaji terbukti berupaya memintas masalah-masalah yang berbangkit dari gejala ketakakuran pengaturcaraan pengajaran subjek berkenaan.⁶

⁵ Menurut Tajul Ariffin dan Nor 'Aini (2002), pendekatan pendidikan bersepada , dalam merealisasikan masalah dalam penentuan proses pengajaran dan pembelajaran berkait rapat dengan prinsip yang mengambil kira konsep-konsep Insan, Wahyu, Fitrah, Keseimbangan dan Ibadah. Manakala konsep sekular pula memisahkan konsep-konsep tadi dengan membawa masuk aliran modenisme, iaitu faham pemisahan sains daripada bimbingan wahyu dan menyerahkan sains kepada logik akal semata-mata. Manakala sinergi adalah antonim kepada sekular, di mana sinergi menyadukan unsur-unsur kepelbagaiannya. Dalam konteks kurikulum pendidikan holistik, semua unsur-insur kepelbagaiannya afektif di reka bentuk secara interaktif bagi menjamin keseimbangan kognitif dan sosial.

⁶ Penulis telah menjalankan satu kajian tindakan mengenai tindakan sinergogi untuk memintas masalah-masalah pembelajaran ke atas pelajar-pelajar program kembar luar negeri BPG-UoH di IPKB. Sebagai module leader program tersebut, penulis menyediakan instrumen tugas untuk menghasilkan transaksi kognitif dan afektif bagi memberi peluang pelajar-pelajar berkenaan melaksanakan kemahiran pembelajaran kendiri. Kajian tersebut telah menerima anugerah sebagai kajian tindakan terbaik (kategori pemantauan BPG) 2006, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Strategi memintas bertujuan supaya sistem penyampaian pengajaran dan pembelajaran akur kepada prinsip urutan psikologis secara lestari dan berkesan.

Boleh dikatakan bahawa prasarana sinergogi di atas lanskap pembelajaran kendiri (intrapersonal) direka bentuk untuk merangsang perkembangan pembelajaran sosial dan emosi yang berpusatkan pelajar. Menurut Goleman (1999), kerangka kompetensi emosi melibatkan kesedaran kendiri, kawalan kendiri dan motivasi manakala kompetensi sosial melibatkan empati⁷ (memahami perasaan individu lain, membangunkan rakan sebaya, menyumbangkan perkhidmatan, membina jalinan perhubungan, kemampuan bekerja secara berpasukan dan mampu menguruskan perubahan).

Lanskap sinergogi menawarkan kepelbagai dan fleksibiliti kepada pembelajaran. Sesuatu kitaran pembelajaran yang lengkap merupakan kitaran yang terbuka kepada peluang-peluang penambahupayaan yang menyumbang kepada nilai tambah atau *top-up* kepada keupayaan sedia ada. Pembelajaran kendiri berlaku dalam reka bentuk interaktif pembelajaran secara berpasukan bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar melakukan proses ‘memberi’ dan ‘menerima’. Inilah maslahah mikro (juz’iyah) terselindung di sebalik maslahah makro (kulliyah) yang hendak dicapai oleh sesebuah organisasi pembelajaran.

Matlamat pendidikan akan tercapai bila mana setiap ahli pasukan mempunyai kesediaan, kolaborasi, perkongsian, keterbukaan dan kejelekitan untuk menguruskan organisasi pembelajaran mereka. Mereka akan berupaya memasuki ke dalam zon pembangunan proksi yang dipenuhi dengan pelbagai aktiviti seperti bimbingan dan peniruan sosial (Vygotsky), pengalaman dan eksperimentasi (Piaget) serta sokongan rakan sebaya dan scaffolding (Brunner).

Penutup

Teori-dalam-gunaan (TDG) yang berkaitan dengan ‘perimbangan kognitif’ dan ‘kesan paduan’ dalam perbincangan di atas mempunyai hubungan dengan konsep

⁷ Menurut Mohd Kamal Bin Mohd Ali (2004), kompetensi emosi mempunyai kaitan dengan organ amygdala yang bertindak sebagai perlakuan pusat bagi otak manusia yang terletak berdekatan dengan kerangka otak. Organ ini bertanggungjawab terhadap pembelajaran dan ingatan emosi. Ia bertindak sebagai ‘buku skrap’ kepada otak yang mampu menjelaskan dan memberi reaksi kepada semua pengalaman dan maklumat baru.

kesan berganda pembelajaran atau pembelajaran sepanjang hayat. Berdasarkan hukum perkaitan maqasid, ufuk ilmu seseorang individu akan berkembang sekiranya mereka berkesempatan mencapai imbangan kognitif dengan halacara pendidikan yang holistik. Teori-dalam-gunaan ini sangat praktikal dalam konteks pendidikan sepanjang hayat kerana pendidikan merupakan satu proses yang berterusan dengan pembelajaran pelbagai hala. Ibnu Khaldun (1993) pernah mengatakan bahawa ‘barangsiapa yang tidak terdidik dengan baik oleh ibu bapanya, akan dididik oleh zaman.’ Selepas tamat persekolahan, pelajar-pelajar hendaklah meneruskan pembelajaran kendiri di sepanjang hayatnya, secara individu maupun secara berpasukan.

Rujukan:

- Abdul Basit Abdul Rahman. Dr. (2009) Maqasid Syariah sebagai roh dalam pentadbiran negara. Kertaskerja Seminar Maqasid Syariah peringkat Kebangsaan. Anjuran KIAS dan JAHEIK. Kelantan Darul Naim.
- Al-Kilani, Dr. Abdul Rahman (2000). *Qawa'id al-Maqasid Inda al-Imam al-Syatibi*, Dar al-Fikr, Damsyik, Suria, edisi 1; hal: 55.
- Abdullah Nasih Ulwan (1989). Fiqh dan Sumber-sumbernya: Pengenalan syariah Islamiyyah . Pustaka Salam. Kuala Lumpur.
- Ali Bin Abdullah Ad-Difa' (1999). *Rawa'ie al-Hadarah al-Arabiah al-Islamiah fil-Ulum*, Syria; Muassasah Risalah.
- Argyris, C. dan D. Schön. (1978) *Organizational Learning: A Theory of Action Perspective*, Reading, MA: Addison-Wesley.
- Benjmin S. Bloom, David R. Krathwohl dan Bertram B. Masia (1988). Taksonomi Objektif Pendidikan – penterjemah Mohd Zainuddin Hashim. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka .
- Bloom. Benjamin S dan Broder. L. J (1950), *Problem solving processes of college students*. Chicago: University of Chicago Press.
- Carr. W dan Kemmis. S (1986), *Becoming Critical-Education, Knowledge and Action Research*, The Falmer Press. London and Philadelphia.
- Chaffe, J (1995). *Thingking Critically*. Boston. Houghton Wifflin Company.
- Che Zainab Abdullah (2007). *Kemahiran Maklumat*, Institut Perkembangan Pendidikan. Universiti Teknologi Mara. Shah Alam.
- Clark, P. (1972). *Action Research and Organizational Change*, London: Harper & Row.
- Clarke. J. H (1990), *Patterns of Thinking-Integrating Learning Skills In Content Teaching*, Allyn and Bacon, Toronto.
- Covey S.R (1996). Tujuh tabiat orang yang amat berkesan: Sinergi dalam pembeharuan. Malaysia. Prentice-Hall (M) Sdn. Bhd.
- Dawilah al-Edrus (14990). *Islamic epistemologi: An introduction to the theory of knowledge in al-Quran*. Universiti Sains Malaysia. Cambridge.Islamic Academic. Penang.
- Detmerr. P (1993): *Consultation, Colaboration and Teamwork*, Allyn and Bacon. Sydney. P. 259.
- De Bono. E (1969), *The Mechanisme of Mind*. England. Jonathan Cape.
- _____.(1982). *Lateral thinking for manangement*. London. Penguin.

- Doddard, D dan Leask, M (1992). *The Search for Quality: Planning for Improvement and Managing Change*. Management in Education Series. London. Paul Chapman Publishing Ltd. (p.114)
- Eales-White, R (1995). *Building your team: Leadership skills*. London. Kogan Page Limited.
- Eden, C. Jones, S dan Sim, D (1979). *Thinking in organization*. The McMillan Press. London.
- Flood R. L (2006). *The Relationship of Systems Thinking to Action Research* dalam Reason, P dan Bradbury, H (2006). *Handbook of Action Research*. London. Sage Publication
- Festinger, Leon (1957), *A theory off cognitive dissonance*. Evanston, III.: Row Peterson.
- Gorard, S. And Taylor, C. (2004) *Combining methods in educational and social research* (London, Open University Press)
- Heider, Fritz (1958), *The psychology of inter-personal relations*. New York: Wiley.
- Hj. Hasan Hj Ahmad (1998). *Usul Fiqh*. Pustaka Haji Abdul Majid, Kuala Lumpur
- Hj. Mohd Soleh Hj Ahmad (1998). *Qawa'id Fiqhiyyah*. Pustaka Haji Abdul Majid, Kuala Lumpur.
- Jamaliah Abdul Hamid (2003). *Understanding Knowledge Management*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.
- John Biggs (2003). *Teaching for Quality Learning*, University. Buckingham: The Society for Research into Higher Education and Open University Press.
- John Heron, (1989). *Complete Facilitator's Handbook and Group Facilitation* (1993), Kogan Page Ltd.
- Jurnal Kias. Bilangan IV **Ramadhan 1429H/2008**. Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra. Nilam Puri. Kelantan.
- Laporan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 dikeluarkan oleh EPRD. Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya. Percetakan Negara Malaysia.
- Mohd Kamal Bin Mohd Ali (2004). Kompetensi kecerdasan emosi yang diperlukan oleh pelajar Maktab Perguruan. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan 2004, Maktab Perguruan Sultan Mizan.
- Mohd Kamal Hassan (1988). Pendidikan dan Pembangunan : Satu perspektif bersepada. Kuala Lumpur. Nurin Enterprise.
- Mohd Nor Anuar (1987). dalam Sinergi dalam pengurusan kurikulum bestari : Penyelidikan tindakan pendidikan Islam. Kertas kerja yang dibentangkan Seminar Penyelidikan Pendidikan MPKB 1997, Kota Bharu. Kelantan.

- _____. (2005). Rujukan nilai sebagai panduan gaya kognitif dan tindakan (Satu perspektif modal insan) dalam Jurnal Akademik IPKB, Jilid 12/2005. Kota Bharu, Kelantan.
- _____. (2007). Sinergogi: bina upaya insan glokal. Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- _____. (2010). Penyelidikan berdasarkan sekolah: Kajian mengikut perspektif sistemik maqasidiyyah. Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- _____. (2007). Artikal : Peningkatan kemahiran pembelajaran kendiri secara berpasukan di kalangan guru pelatih di sebuah institusi pendidikan guru. Jurnal Penyelidikan IPKB: Jld. 4. Kota Bharu. Kelantan Darul Naim.
- Mohd Saiba Yaacob (2009). Prinsip-prinsip Maslahah dalam Politik dan Perundangan Islam. koleksi artikal Seminar Maqasid Syariah 2009, anjuran Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra. Terbitan Jabatan Al-Syariah KIAS.
- Pear, J.J., Crone-Todd, D.E., Wirth, K., & Simister, H. (2001). Assessment of thinking levels in students' answers. Academic Exchange Quarterly.
- Sadler. P (1995). *Managing Change*, Kogan Page . London ,p. 88.
- Sadovnik.A.R. et. al (1994), *Exploring Education: An Introduction To The Foundations of Education*, Allyn and Bacon. London.
- Shukeri Mohamad. Dr. (2009). Maqasid Syariah dalam pengurusan masyarakat majmuk di Malaysia. Artikal Seminar Maqasid Syariah KIAS. Kelantan Darul Naim.
- Senge. P(2000). School That Learn: A Fifth Discipline Resource. New York. Doubleday Dell Publishing Group Inc.
- Syed Naquib Al-Attas. Islam dan Sekularisme. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Arifin dan Nor 'Aini (2002). Pendidikan dan Pembangunan Manusia. As-Syabab Media, Selangor Darul Ihsan.
- Tatcher, D (1988). *Some staff development implications of designing student-centered resource-based learning dalam Designing New Systems and Technologies for Learning*, dedit oleh Mathias. H, Rushby. N dan Budgett. R. New York. Kogan Page Ltd.
- Tickle. L (1987), *Teaching-Learning- A study or partnership in Teacher Education*, The Falmer Press. New York.
- Torbert W. R (2006). *The practice of action inquiry dalam Reason*. P dan Bradbury. H (2006); Handbook of Action Research.London. Sage Publication.
- Tuan Mohd Safuan Bin Tuan Ismail (2003). *Maqasi As-Syariah Al-Islamiyah*. Universiti Mu'tah, Karak, Jordan.

- _____ (2009). *Qawa'id Maqasidiyyah Imam Syatibi Dalam Hukum Perkaitan Antara Tiga Maqasid Syariah* dalam buku seminar Maqasid Syariah dalam Pentabiran Negara. Nilam Puri, Kelantan. Jabatan As-Syariah KIAS.
- The Oxford Encyclopedic English Dictionary* (1991)
- Whitehead, J dan McNiff, J (2006). Action Research Living Theory. London. Sage Publication.

Rujukan Internet: 30/08/2010

- a) Sesawang *The free dictionary*: <http://www.thefreedictionary.com/circle>
- b) Sesawang *Ardictionary*: <http://www.ardictionary.com/circle/0882>
- c) sesawang *dictionary, reference*: <http://dictionary.reference.com/browse/circle>